

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 14 OKTOBER 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pakar IAEA jalankan misi susulan di loji Lynas	BERNAMA
2.	Hasil kurang tepati citarasa semasa	Berita Harian
3.	Peralihan monsun punca cuaca tidak menentu	Berita Harian
4.	Abaikan khabar angin ribut kuat di Klang – Meteorologi	BERNAMA
5.	Projek naik taraf pusat pemindahan banjir akan diteruskan	BERNAMA
6.	Met: Beware strong winds	New Straits Times
7.	Fenomena musim peralihan	Harian Metro

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 14 OKTOBER 2014 (SELASA)



## Pakar IAEA Jalankan Misi Susulan Di Loji Lynas

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Satu delegasi terdiri daripada pakar Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) akan berada di Malaysia dari 13 hingga 17 Okt untuk membuat susulan status pelaksanaan saranan 10+1 ke atas Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) di Gebeng, dekat Kuantan, Pahang.

Saranan itu dibuat semasa lawatan pertama IAEA pada 2011, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam satu kenyataan bersama [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan.

"Misi pascakajian semula itu akan meliputi isu keselamatan radiasi, aspek pengurusan sisa dan persekitaran, sejajar dengan standard keselamatan antarabangsa dan amalan baik," kata MITI.

Pakar IAEA itu kelak akan menyediakan kenyataan bebas pihak ketiga selepas menyelesaikan melakukan siasatan dan penilaian di kilang itu.

-- BERNAMA

## 'Hasil kurang tepati cita rasa semasa'

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pendidikan mengakui kebanyakan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti awam selama ini kurang menepati cita rasa dan kehendak industri menyebabkan ia sukar dikomersialkan.

Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof Madya Dr Arham Abdullah (**gambar**), berkata menyedari kelemahan itu, kerajaan pada Mei lalu memperkenalkan program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta.

Menerusi program perintis itu yang membabitkan lima univer-

siti penyelidikan (RU) tempatan, platform diwujudkan di antara universiti dan industri untuk bertukar maklumat, selain memanfaatkan pengetahuan serta teknologi pengkomersialan negara.

Program itu turut membabitkan kerjasama **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)**, SME Corporation Bhd, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Pendidikan menggunakan modul hibrid Steinbeis & Fraunhofer dari Jerman.

Menerusi program itu, sektor industri dan universiti dapat beker-

jasama untuk padan suai keperluan serta inovasi masing-masing. Buat permulaan, kelima-lima RU itu akan bersaing membida 10 projek mengikut keperluan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Arham berkata, Kementerian Pendidikan akan memperuntukkan RM20,000 bagi universiti yang memenangi proses membida itu.

### **Kerjasama penyelidik, industri**

"Kita menjangkakan program ini mampu meningkatkan pengkomersialan menerusi kerjasama secara langsung di antara penyelidik dan industri," katanya kepada *BH*.

Ditanya kenapa produk hasil R&D universiti tidak mendapat tempat di pasaran tempatan, Arham berpendapat sektor industri belum bersedia menerima pakai hasil inovasi produk R&D universiti.

"Di Malaysia, syarikat tempatan yang berstatus PKS menguasai 60 peratus daripada keseluruhan pasaran. Mereka kurang bergantung kepada R&D, sebaliknya membeli produk siap untuk dibungkus semula dan dilabel sebelum menjualnya.

"Perlu difahami dalam sesuatu penyelidikan, nisbah ideal ialah



1:10:100, iaitu satu mewakili peringkat di mana hasil R&D universiti seperti sekarang, 10 pula bagi penambahbaikan R&D dengan suntikan kewangan, manakala 100 mewakili pengkomersialan hasil R&D itu. Di Malaysia kita masih di peringkat satu," katanya.

## Peralihan monsun punca cuaca tidak menentu

**Petaling Jaya:** Ribut yang sering melanda kebelakangan ini berpunca daripada peralihan monsun, yang menyaksikan kelajuan angin meningkat secara mendadak sehingga 45 kilometer sejam (km/j).

Peralihan itu berlaku dua kali setahun iaitu pada pertengahan Mac hingga Mei serta September hingga November, berpunca peralihan Monsun Barat Daya dan Timur Laut serta kedudukan matahari yang hampir dengan negara di Asia Tenggara.

Pegawai Meteorologi Pusat Cuaca Nasional, **Dr Mohd Hisham Mohd Anip**, berkata fenomena peralihan monsun juga mengakibatkan kelajuan angin meningkat lebih drastik, selain tahap kelembapan daratan lebih mudah naik ke permukaan awan, sekali gus menyebabkan taburan hujan lebih tinggi.

Katanya, fenomena itu mengakibatkan keadaan cuaca tidak menentu dan hujan kerap dialami sebelah petang, selain ke-

mungkinan awan Komulonimbus terbentuk lebih tinggi terutama di bahagian pantai barat Semenanjung dan Sarawak.

### **Awan paling besar, bahaya**

"Awan Komulonimbus adalah jenis paling besar dan bahaya, selain boleh terbentuk sepanjang satu kilometer. Jangka hayat awan ini adalah selama sejam daripada pembentukan hingga penamatnya, bergantung kepada kadar kelembapan sesuatu kawasan terbabit.

"Ia mengandungi kuantiti air yang banyak. Hujan berpunca daripada awan itu, akan diiringi angin Lengkisau dan ribut petir. Ia juga berupaya berangkai dengan awan Komulonimbus lain yang berhampiran dan membentuk hujan lebih lama.

"Kesan yang dibawa awan ini adalah di luar jangkaan dan berkemungkinan angin yang sangat kuat boleh terhasil sekiranya berangkai dengan awan sekitarnya," katanya, semalam.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 14 OKTOBER 2014 (SELASA)



## **Abaikan Khabar Angin Ribut Kuat Di Klang - Meteorologi**

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Orang ramai diminta tidak mempercayai khabar angin kononnya ribut kuat akan melanda Klang, Selangor pada 12 tengah malam ini.

[Jabatan Meteorologi Malaysia \(METMalaysia\)](#) dalam kenyataannya malam ini menyatakan khabar angin itu tersebar menerusi aplikasi "Whatsapp" dan media sosial.

Justeru itu, orang ramai yang mahu mendapatkan maklumat tepat diminta melayari laman web [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my).

Berdasarkan ramalan cuaca dalam laman web METMalaysia, cuaca di seluruh Selangor diramalkan mendung malam ini.

-- BERNAMA

# Met: Beware strong winds

**CAUTION:** Dangerous sweeping gusts may occur without warning up to mid-Nov

**RAYMUND WONG**  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**W**INDS of up to 50kph, similar to the one that claimed two lives and caused chaos in the Klang Valley on Sunday, are expected to return.

The public has been advised to be vigilant and seek refuge at the first signs of strong gusts of wind, especially in the evening.

The Malaysian Meteorological Department yesterday warned that

these "dangerous sweeping winds" could come without warning up to the middle of next month.

The department's atmospheric science and cloud-seeding division director, Saw Bun Liong, said it was best that the public stayed indoors during bad weather to avoid serious injuries, including dangerous projectiles from unsecured objects and signages.

"These winds can be very dan-

gerous although they occur at short intervals. It can uproot huge trees and is strong enough to blow people away.

"The winds can cause a lot of damage and often occur in the evenings," Saw said, adding that the public should also be wary of lightning strikes.

He said the wind speed recorded on Sunday in Petaling Jaya was 46km/h.

The gusting winds were even stronger in the city, with recorded

speeds of up to 50km/h.

He said with the kind of wind sweeping in the Klang Valley, Malaysians must brace themselves for interrupted power supply to homes and buildings as the strong gusts could easily damage power lines.

"I would advise parents to protect their children from the risks posed by these winds.

"It would be best to keep them indoors until the inter-monsoon season abates," he told the *New Straits Times*.





## Projek Naik Taraf Pusat Pemindahan Banjir Akan Diteruskan

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Projek menaik taraf pusat pemindahan banjir di negeri-negeri yang kerap berlaku banjir akan diteruskan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata kerajaan tidak bercadang untuk membina pusat pemindahan tetap kerana ia memerlukan penggunaan sepenuhnya mana-mana kawasan yang merugikan dalam jangka masa panjang.

"Jadi projek naik taraf pusat pemindahan sedia ada akan terus dijalankan, terutama menambah bilik air dan bilik mandi.

"Mana-mana sekolah yang dijadikan pusat pemindahan banjir tetapi belum di naik taraf, boleh memaklumkan kepada jabatan berkaitan supaya projek itu boleh dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Shahrudin Ismail (BN-Kangar) yang ingin tahu adakah kerajaan bercadang membina pusat pemindahan banjir tetap di negeri-negeri kerap berlaku banjir, pada persidangan Dewan Rakyat pada Isnin.

Menjawab soalan asal Datuk Datu Nasrun Datu Mansur (BN-Silam) mengenai keberkesanan arahan Majlis Keselamatan Negara mengenai dasar dan mekanisme pengurusan bencana, dalam menguruskan banjir ekstrem, Shahidan berkata arahan itu menerangkan kaedah koordinasi gerak kerja diperingkat daerah, negeri dan pusat dalam menjalankan tugas pada peringkat sebelum, semasa dan selepas bencana.

Bagi memperbaiki sistem arahan dan kecepatan penyampaian maklumat cuaca, beliau berkata **Jabatan Meteorologi** sedang melaksanakan beberapa penambahbaikan yang dijangka siap mengikut jadual pada 2017.

"Jabatan Meteorologi akan melaksanakan kajian komprehensif bagi ramalan banjir dengan mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi antaranya kerjasama dengan Jepun dalam bidang teknologi terkini seperti radar, GPS (Global Positioning System) dan model-model ramalan," jelasnya.

Selain itu, Shahidan berkata jabatan itu juga akan meningkatkan kepadatan rangkaian stesen radar, meningkatkan keupayaan stesen radar sedia ada dan melaksanakan kajian komprehensif bagi kajian ramalan cuaca ekstrem dan banjir.

RIBUT DI SEMENANJUNG

# FENOMENA MUSIM PERALIHAN

NELAYAN di India menggunakan segala kemahiran mereka menongkah ombak ketika puting belung melanda.



Oleh Muhammad Saufi Hassan,  
Mahaizura Abd Malik  
dan Siti Nadzirah Che Mud  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**ejadian ribut kencang yang menjejaskan beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang dan Johor Bahru kelmarin, berkait rapat dengan fenomena musim peralihan daripada Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut.

Pegawai Meteorologi Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, musim ini berpunca daripada kehadiran awan kumulunimbus

(awan ribut) yang biasa terbentuk di kawasan beriklim tropika seperti Malaysia.

"Ketika awan jenis itu terbentuk, angin langkisau (gusting) mudah terhasil bersama kilat dan guruh, selain itu, hujan batu juga mungkin boleh berlaku sekiranya awan kumulunimbus cukup besar dan tinggi.

"Walaupun kami boleh mencekap kehadiran awan kumulunimbus, bukan semua awan jenis ini memberi kesan sama. Ada ketikanya ia hanya memberi kesan minimum kepada cuaca.

"Sehingga kini, kami tidak mempunyai teknologi dan kepakaran membezakan tahap bahaya awan kumu-

nimbus yang terbentuk di sekitar negara ini," katanya, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, beberapa kawasan di Pantai Barat Semenanjung serta Pantai Timur selain Sabah dan Sarawak dijangka terus mengalami kekerapan hujan disertai ribut petir sehingga November ini disebabkan musim peralihan itu.

Mohd Hisham berkata, sepanjang tempoh itu, ribut petir dan hujan lebat dijangka lebih kerap berlaku pada sebelah petang hingga awal malam, malah boleh mengibatkan angin kencang dan banjir kilat terutama di kawasan bandar.

"Dalam dua minggu ke-

belakangan ini, corak cuaca negara kita didapati berbeza daripada sepatutnya berikutan terbentuknya dua ribut Taufan Super (Phanfone dan Vongfong) berhampiran Filipina dan Taufan Hudhud di Teluk Benggala berdekatan India.

"Arah tiupan angin juga didapati berubah dan menyebabkan berlakunya kejadian jerebu rentas sempadan yang berpunca dari Indonesia. Dengan berakhirnya semua episod ini, keadaan cuaca peralihan monsun kembali kepada asal iaitu keadaan ribut petir dan hujan lebat seperti apa yang berlaku sekarang.

"Bagaimanapun, melihat kepada keadaan cuaca semasa dan ramalan akan datang, hanya terdapat satu ribut tropika yang dijangka kekal aktif sehingga hujung minggu ini iaitu Gonzalo di Lautan Atlantik, Timur Amerika serta tidak mengganggu corak cuaca di negara kita," katanya.

Beliau berkata, selepas peralihan cuaca ini, empat atau lima episod hujan lebat monsun pula dijangka berlaku sepanjang musim Monsun Timur Laut selepas pertengahan November dan berakhir pada Mac tahun depan.

"Kami tak ada teknologi dan kepakaran membezakan tahap bahaya awan kumulunimbus"

Dr Mohd Hisham  
Mohd Anip

nyebabkan banjir berlaku terutama di kawasan Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang selain Johor, Pantai Barat Sarawak dan Pantai Timur Sabah.

"Selain itu, kadar peratusan kemungkinan El Nino berlaku sehingga hujung tahun ini juga lemah iaitu sekitar 65 peratus dan tidak memberi kesan ketara terhadap taburan hujan di negara kita," katanya.

Menurutnya, orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian hotline 1-300-22 1638, laman web cuaca dan laman sosial MetMalaysia.